

**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000010266

ii

10466904

**IMPACT OF CEMENT SHORTAGE AND METHODS
USED BY CONTRACTORS TO OVERCOME IT**

SIMON CHUA SOON HUA

**A thesis submitted in fulfillment of the
Requirements for the award of the degree of
Bachelor (Quantity Surveying)**

**Faculty of Built Environment
University Technology Malaysia**

MAY, 2009

ABSTRAK

Malaysia sejak 15 tahun lalu, telah mengalami pembangunan yang pesat di mana ia dapat dibuktikan melalui pembinaan struktur mega seperti Menara Kembar Petronas dan Menara KL. Bangunan-bangunan ini telah menggunakan simen untuk pembinaan. Semasa pembinaan, pelbagai masalah akan wujud dan masalah kekurangan simen adalah salah satunya. Malaysia telah menghadapi kesan kekurangan simen sejak tahun 2005. Atas masalah-masalah ini, kajian ini telah dijalankan. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti kesan kekurangan simen ke atas Kontraktor serta kaedah yang diambil oleh Kontraktor untuk mengurangkan impaknya. Semasa kajian, responden dalam Gred 6 dan kategori B04 telah dipilih secara rawak daripada kontraktor di Sibu dan Bintulu. Perisian digunakan untuk menganalisis data yang terkumpul dan menghasilkan graf. Kaedah matematik turut digunakan untuk menganalisis data yang terkumpul melalui borang soal selidik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa impak yang paling serius ialah projek yang tertunda manakala impak yang paling kurang serius ialah peningkatan dalam saingan serta perselisihan. Selain itu, hasil penyelidikan juga menunjukkan bahawa bagi setiap impak sama ada impak langsung atau impak tidak langsung, para responden mempunyai kaedah mereka tersendiri untuk mengatasi impak-impak yang wujud. Akhir sekali, hasil kajian dibincang dan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan dicadangkan.